

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai dapatan hasil mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) khasnya dalam usaha merencanakan lagi sektor pelancongan di negeri Terengganu khasnya dan Parlimen Hulu Terengganu amnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bertujuan untuk menarik pelaburan swasta bagi membangunkan landskap sosioekonomi di ECER di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di Johor. Pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup rakyat dengan menjana peluang-peluang pekerjaan baharu dan program modal insan.

Bagi menarik pelaburan swasta ke ECER, pakej insentif ECER yang diwartakan bermula pada 13 Jun 2008, ditawarkan untuk pelaburan dalam aktiviti-aktiviti yang dipromosikan di wilayah ini, khususnya dalam sektor pembuatan, perniagaan tani, pelancongan, petrokimia, pendidikan dan ICT, serta kebudayaan dan warisan. Insentif tersebut adalah berupa pengecualian cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan.

NO. SOALAN : 100

Bagi sektor pelancongan, pakej insentif ECER melibatkan aktiviti yang digalakkan seperti operasi hotel, eko-pelancongan, warisan budaya bandar, pelancongan pulau, pelancongan pantai tanah besar, pelancongan rentas sempadan, resort integrasi, pelancongan kesihatan, taman tema, pusat kebudayaan persidangan dan pameran.

Sejak tahun 2008, terdapat 21 projek pelancongan di Terengganu yang telah diluluskan insentif dengan nilai pelaburan sebanyak RM590 juta. Walau bagaimanapun, tiada projek pelancongan yang diluluskan bagi daerah Hulu Terengganu.

Selain ECERDC, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (Tourism Terengganu) dan Tourism Malaysia Wilayah Timur turut dalam usaha merencanakan lagi sektor pelancongan di negeri Terengganu dengan mengadakan segmen Famtrip dan program pembangunan pakej yang berpotensi dalam mengetengahkan produk pelancongan Hulu Terengganu.

Sehingga 24 September 2019, pihak MOTAC telah menerima lapan (8) cadangan acara utama Negeri Terengganu untuk kalendar VM2020 termasuk di Hulu Terengganu. Selain itu, disenaraikan juga lebih 60 acara sampingan merangkumi lapan (8) daerah di negeri Terengganu termasuk Hulu Terengganu yang akan dijayakan pada tahun 2020.

Pihak Kementerian juga telah turut menyenaraikan permohonan projek prasarana pelancongan bagi cadangan projek dibawah Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) tahun 2020 iaitu Cadangan Pembangunan Eko Pelancongan Tasik Kenyir bagi menyediakan Produk Pelancongan Berkembar Ecotourism Dan Heritage Tourism dengan kos sebanyak RM3 juta dan telah dibentangkan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sekian, terima kasih.